

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(A)8

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

8. Meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan apakah mekanisme dan peraturan yang ditetapkan dalam mengagihkan peruntukan RM20 Juta kepada peniaga kecil yang terjejas akibat perintah kawalan pergerakan (Wabak COVID-19)?
 - (a) Apakah insentif khas kepada kakitangan barisan hadapan seperti Kesihatan, Polis, Tentera dan Majlis Bandaraya di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

8. Pada 25 Mac 2020, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang dengan peruntukan berjumlah RM75 juta, tambahan RM55 juta daripada insentif yang telah diumumkan sebelum itu. Dalam pakej ini, golongan peniaga kecil dan penjaja menerima manfaat berupa bantuan *one-off* berjumlah RM500. Bagi menerima bantuan ini, peniaga perlulah mempunyai lesen dan berdaftar dengan PBT. Bantuan ini telah disalurkan kepada penerima secara *electronic fund transfer* (EFT) mulai 4 April 2020.

Kerajaan Negeri turut mengumumkan tawaran pinjaman tanpa faedah menerusi Skim Peka PKS yang diselaraskan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan perincian seperti berikut:-

- (i) Pinjaman sehingga RM50 ribu bagi industri kecil dan sederhana (IKS) sektor pembuatan;
 - (ii) Pinjaman sehingga RM20 ribu bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sektor lain;
 - (iii) Tiada bayaran balik pada enam (6) bulan pertama, pembayaran balik bermula pada bulan ke-7 sehingga bulan ke-30;
 - (iv) Pinjaman yang selesai dibayar balik pada bulan ke-18 atau sebelumnya akan diberikan rebat; dan
 - (v) Permohonan boleh dikemukakan kepada PDC mulai 8 April hingga 21 April 2020.
-
- (a) Tidak dinafikan bahawa kakitangan barisan hadapan seperti petugas Jabatan Kesihatan Negeri, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang memainkan peranan yang amat besar dalam menekang penularan wabak COVID-19.

19. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah menyalurkan Insentif Khas RM300 kepada wira-wira barisan hadapan PBT Pulau Pinang dan jabatan/agensi Persekutuan.

Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM10 juta untuk perolehan bekalan peralatan keselamatan diri kepada *frontliners* merangkumi perolehan Peralatan Perlindungan Diri (PPE), katil, bantal, penutup muka, termometer, hand sanitizer dan sebagainya kepada pihak hospital dan pasukan barisan hadapan.